



**SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia**

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP26: GARIS PANDUAN JURUAUDIT YANG DIBERI KELULUSAN MENGAUDIT DI BAWAH SUBSEKSYEN 61(1) AKTA KOPERASI 1993 (PINDAAN) 2017

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) bertujuan untuk memantau dan mengawal juruaudit yang telah diberi kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 61(1) Akta.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“firma audit” ertinya pemilik tunggal, perkongsian atau entiti berdaftar lain yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];

SKM – BAPKK / e-REG / GP	GP26: GARIS PANDUAN JURUAUDIT YANG DIBERI KELULUSAN MENGAUDIT DI BAWAH SUBSEKSYEN 61(1) AKTA KOPERASI 1993 (PINDAAN) 2017	2 / 9
--------------------------	---	-------

“juruaudit” ertinya seseorang daripada firma audit yang diberi kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 61(1) Akta.

LATAR BELAKANG

3. Mengikut subseksyen 60(1) Akta, setiap koperasi hendaklah menyebabkan akaunnya diaudit sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun kewangan.
4. Subseksyen 61(1) Akta antara lain menyatakan hanya seseorang yang kompeten dan telah diberi kelulusan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) sahaja boleh menjalankan pengauditan ke atas akaun koperasi. Bagi seseorang itu layak mendapat kelulusan mengaudit, ia hendaklah mematuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan.
5. Seksyen 63 Akta menyatakan tanggungjawab juruaudit antaranya adalah—
 - (a) Memeriksa dan mengaudit akaun-akaun dan rekod-rekod relevan koperasi itu;
 - (b) Melaporkan kepada Suruhanjaya dan koperasi itu tentang apa-apa luar aturan yang didedahkan oleh pemeriksaan dan pengauditan; dan
 - (c) Memberi laporan mengenai penyata kewangan yang dikemukakan oleh koperasi itu selepas berakhirnya tahun kewangan sepertimana yang ditetapkan dalam subseksyen 63(3) Akta.
6. Untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut, juruaudit hendaklah merancang dan melaksanakan pengauditan mengikut piawaian pengauditan bagi memenuhi kehendak peruntukan seksyen 63 Akta. Juruaudit juga perlu mendapatkan jaminan

munasabah bahawa penyata kewangan yang disediakan oleh koperasi adalah bebas daripada salah nyata *material* yang disebabkan oleh kesilapan atau penipuan.

7. Juruaudit hendaklah menghayati dan mengamalkan etika kerja yang berhemah, mempunyai kebebasan, akauntabiliti, integriti, komitmen dan memberi keyakinan kepada koperasi dan pihak lain bahawa mutu perkhidmatan yang diberikan boleh dipercayai, objektif dan kompeten.

BAHAGIAN B : SYARAT DAN KRITERIA

8. Juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya hendaklah terlebih dahulu memohon kepada Suruhanjaya di bawah subseksyen 61(1) Akta dan mematuhi syarat-syarat berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) memiliki sijil amal daripada badan profesional sama ada Malaysian Institute of Accountants (MIA) atau Institute of Cooperative & Management Auditors (ICMA);
- (c) tidak hilang kelayakan di bawah seksyen 62 Akta;
- (d) tidak muflis;
- (e) telah menghadiri sesi temuduga dengan jayanya (bagi permohonan baharu atau mengikut keperluan Suruhanjaya);
- (f) bebas daripada tindakan disiplin oleh badan profesional (MIA atau ICMA);
- (g) membayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Koperasi (Fi) 2010; dan
- (h) mengisi maklumat cawangan firma audit (sekiranya ada).

BAHAGIAN C : KAWAL SELIA

9. Bagi memastikan pelaksanaan pengauditan mematuhi standard dan pelaporan penyata kewangan yang lebih telus, beberapa bentuk pengawalseliaan telah ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Pelantikan Juruaudit dan Tempoh Pengauditan

10. Juruaudit hendaklah mengemukakan satu salinan surat cara pelantikan juruaudit bagi koperasi yang diaudit kepada Suruhanjaya Cawangan Negeri. Surat cara pelantikan juruaudit hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- (a) objektif audit;
- (b) skop pengauditan;
- (c) tanggungjawab koperasi dan juruaudit;
- (d) laporan yang perlu disediakan oleh juruaudit; dan
- (e) tempoh masa dan fi audit.

11. Juruaudit juga hendaklah mengemukakan satu salinan surat makluman penghantaran penyata kewangan teraudit koperasi kepada Suruhanjaya.

12. Juruaudit yang diberi kelulusan mengaudit tidak dibenarkan untuk mengaudit sesuatu koperasi melebihi enam (6) tahun kewangan berturut-turut sebagaimana kehendak subseksyen 61(2) Akta.

Kategori Juruaudit dan Koperasi

13. Bagi memastikan kualiti pengauditan memenuhi piawaian yang ditetapkan dan ketelusan pelaporan penyata kewangan, garis panduan ini menyenaraikan beberapa kategori juruaudit, jenis koperasi yang boleh diaudit oleh juruaudit berkenaan dan had bilangan koperasi yang diaudit iaitu seperti di **Lampiran 1**.

14. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya boleh menetapkan perintah am atau khas secara bertulis yang diperuntukkan dalam subsekyen 61(1) Akta sebagai tambahan syarat-syarat lain secara khusus yang difikirkan patut kepada seseorang juruaudit dari semasa ke semasa bagi menjamin kualiti pengauditan juruaudit berkenaan.

Rancangan Audit Suruhanjaya

15. Mana-mana juruaudit tidak boleh mengaudit akaun koperasi yang telah dimasukkan dalam rancangan audit Suruhanjaya sehingga koperasi berkenaan mendapat surat pelepasan daripada Suruhanjaya.

Pejabat Cawangan

16. Bagi juruaudit yang mempunyai pejabat cawangan, pejabat tersebut hendaklah mempunyai minimum 3 orang pekerja yang melaksanakan kerja pengauditan dan diketuai oleh seorang yang mempunyai kelayakan minimum Diploma Perakaunan atau setaraf dengannya dan diiktiraf oleh Kerajaan.

SKM – BAPKK / e-REG / GP	GP26: GARIS PANDUAN JURUAUDIT YANG DIBERI KELULUSAN MENGAUDIT DI BAWAH SUBSEKSYEN 61(1) AKTA KOPERASI 1993 (PINDAAN) 2017	6 / 9
--------------------------	---	-------

Penghantaran Maklumat Koperasi Yang Diaudit

17. Menurut seksyen 85A, mana-mana orang yang dikehendaki oleh Suruhanjaya hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat dan statistik yang dikehendaki oleh Suruhanjaya. Sehubungan itu, semua juruaudit yang mendapat kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 61(1) Akta, dikehendaki mengemaskini senarai koperasi yang diaudit di dalam Sistem Juruaudit Swasta secara online setiap bulan.

Semakan Fail Kerja Audit

18. Subperaturan 29(4) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 memperuntukkan **Suruhanjaya hendaklah pada setiap masa mempunyai akses kepada kertas kerja pengauditan juruaudit itu.** Selaras dengan itu, juruaudit hendaklah memastikan kertas kerja pengauditan disimpan di pejabat juruaudit atau cawangan berkenaan bagi tujuan semakan.

19. Bagi mengawal dan menilai kualiti pengauditan akaun koperasi serta memastikan pelaporan penyata kewangan mematuhi **GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi**, Suruhanjaya akan menjalankan semakan kualiti ke atas juruaudit secara berkala. Hasil daripada semakan tersebut, Suruhanjaya boleh mengeluarkan surat tunjuk sebab sekiranya Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan kualiti pengauditan.

20. Sekiranya didapati jawapan kepada surat tunjuk sebab tidak memuaskan, Suruhanjaya boleh membatalkan kelulusan yang diberikan kepada juruaudit di bawah subseksyen 61(3) Akta. Rayuan boleh dibuat dalam tempoh 21 hari daripada tarikh kelulusan dibatalkan.

Permohonan Semula Kelulusan Mengaudit

21. Juruaudit yang telah dibatalkan kelulusan mengauditnya boleh membuat permohonan semula selepas tempoh setahun daripada tarikh kelulusan dibatalkan.
22. Juruaudit yang tidak diluluskan permohonan mengauditnya juga boleh membuat permohonan semula selepas tempoh satu tahun.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

23. GP26: Garis Panduan Juruaudit Yang Diberi Kelulusan Mengaudit Di Bawah Subseksyen 61(1) Akta Koperasi 1993 (Pindaan) 2016 bertarikh 29 September 2016 adalah dengan ini dibatalkan.
24. Semua juruaudit dikehendaki mematuhi garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa. Kegagalan juruaudit mematuhi garis panduan ini boleh memberi kesan kepada kelulusan mengaudit dan boleh dikenakan tindakan perundangan di bawah Akta.
25. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai **1 Januari 2018**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“TADBIR URUS CEMERLANG, MASA DEPAN GEMILANG”


(DATO' DR. NOOR ZARI BIN HAMAT)

Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 14 November 2017

SKM – BAPKK / e-REG / GP	GP26: GARIS PANDUAN JURUAUDIT YANG DIBERI KELULUSAN MENGAUDIT DI BAWAH SUBSEKSYEN 61(1) AKTA KOPERASI 1993 (PINDAAN) 2017	8 / 9
--------------------------	---	-------

Lampiran 1

Kategori Juruaudit, Jenis Dan Had Bilangan Koperasi Yang Boleh Diaudit

Jenis Kategori	Kategori Juruaudit	Jenis Koperasi Yang Boleh Diaudit	Bilangan Koperasi Yang Boleh Diaudit
A	Seorang juruaudit yang: <ul style="list-style-type: none"> (i) Diluluskan mengaudit oleh Suruhanjaya; (ii) Mempunyai lesen amal dengan MIA; (iii) Memperoleh kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 263(4) Akta Syarikat 2016 daripada Perbendaharaan Malaysia; dan (iv) Berdaftar dengan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498]. 	Boleh mengaudit semua jenis koperasi	Tiada had bilangan
B	Seorang juruaudit yang: <ul style="list-style-type: none"> (i) Diluluskan mengaudit oleh Suruhanjaya; (ii) Mempunyai lesen amal dengan MIA; dan (iii) Memperoleh kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 263(4) Akta Syarikat 2016 daripada Perbendaharaan Malaysia. 	Semua jenis koperasi kecuali koperasi yang dikehendaki melantik juruaudit yang berdaftar dengan AOB	Tiada had bilangan

SKM – BAPKK / e-REG / GP	GP26: GARIS PANDUAN JURUAUDIT YANG DIBERI KELULUSAN MENGAUDIT DI BAWAH SUBSEKSYEN 61(1) AKTA KOPERASI 1993 (PINDAAN) 2017	9 / 9
--------------------------	---	-------

Jenis Kategori	Kategori Juruaudit	Jenis Koperasi Yang Boleh Diaudit	Bilangan Koperasi Yang Boleh Diaudit
C	Seorang juruaudit yang: <ul style="list-style-type: none"> (i) Diluluskan mengaudit oleh Suruhanjaya; (ii) Mempunyai lesen amal dengan ICMA; dan (iii) Mempunyai pejabat cawangan seperti dinyatakan di para 16. 	Koperasi yang mempunyai aset atau perolehan bernilai hingga RM100 juta sahaja (mana lebih tinggi)	Tidak melebihi 60 buah setahun dalam masa tempoh kelulusan mengaudit
D	Seorang juruaudit yang: <ul style="list-style-type: none"> (i) Diluluskan mengaudit oleh Suruhanjaya; (ii) Mempunyai lesen amal dengan ICMA; dan (iii) Tidak mempunyai pejabat cawangan seperti dinyatakan di para 16. 	Koperasi yang mempunyai aset atau perolehan bernilai hingga RM70 juta sahaja (mana lebih tinggi)	Tidak melebihi 50 buah setahun dalam masa tempoh kelulusan mengaudit